

**Kedah akan ikut logo dan tema kemerdekaan PR, kata Mustafa Ali**  
**Malaysian Insider**  
**8 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Ogos — Negeri Kedah akhirnya akur untuk menggunakan logo dan tema kemerdekaan ke 55 seperti yang digunakan oleh negeri-negeri Pakatan Rakyat (PR) lain, kata Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali.

Menurut Mustafa (foto fail), kerajaan negeri Kedah pimpinan Datuk Seri Azizan Razak telah membuat keputusan pagi ini dan memaklumkan kepadanya untuk mengikut negeri-negeri PR lain yang menggunakan tema "Sebangsa, Sejiwa, Senegara".

"Saya telah menerima panggilan telefon dari Setiausaha Politik Menteri Besar Kedah memaklumkan keputusan itu hari ini," kata Mustafa seperti yang dilaporkan oleh Harakahdaily.

Menyusul lagi

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kedah-akan-ikut-logo-dan-tema-kemerdekaan-pr-kata-mustafa-ali/>